

Wacana Budaya India dan Melayu dalam Naratif Novel *Sangeetha*: Satu Pendekatan Silang Budaya

Mariati Mat Salleh @ Md Nor
mariati@umt.edu.my
Universiti Malaysia Terengganu

Isma Rosila Ismail
ismarosila@umt.edu.my
Universiti Malaysia Terengganu

ABSTRAK

Malaysia dikenali sebagai sebuah negara berbilang kaum, yang mana semangat saling menghormati dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik menjadi asas kepada keharmonian negara. Kepelbagaian budaya ini bukan sahaja terserlah dalam interaksi harian, malah turut diungkap secara signifikan melalui karya sastera. Salah satu contoh yang menonjol ialah *Sangeetha*, sebuah novel karya penulis tersohor negara, Azizi Haji Abdullah. Menerusi karya ini, Azizi meneroka dinamika pemahaman antara budaya, khususnya antara komuniti Melayu dan India. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti representasi budaya tersurat dan budaya tersirat dalam novel *Sangeetha*, serta menganalisis bagaimana elemen-elemen tersebut berfungsi sebagai medium komunikasi antara budaya dalam memupuk perpaduan sosial. Kajian ini menggunakan Teori Bongkah Ais sebagai kerangka analisis bagi meneliti dimensi budaya yang dapat dilihat iaitu budaya tersurat dan dimensi budaya yang tersirat seperti pemikiran serta nilai masyarakat. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk memperoleh data, manakala analisis tematik diaplikasikan bagi mengenal pasti tema-tema utama dalam teks. Dapatan kajian menunjukkan bahawa budaya tersurat yang dominan dalam novel ini merangkumi aspek pekerjaan dan aktiviti ekonomi, pakaian tradisi dan seni muzik. Sementara itu, budaya tersirat yang dikenal pasti melibatkan peranan wanita, pegangan agama dan kepercayaan serta bahasa. Analisis juga mendapati bahawa interaksi antara watak daripada latar budaya berbeza digambarkan melalui proses penyesuaian budaya, perkongsian simbol budaya, dan rundingan identiti yang menyumbang kepada pembentukan persefahaman bersama. Penemuan ini membuktikan bahawa *Sangeetha* bukan sekadar karya kreatif, tetapi turut berperanan sebagai dokumen budaya yang merakam dan memelihara nilai bersama, falsafah hidup, adat resam, dan ekspresi seni masyarakat majmuk. Kajian ini memberikan pandangan kritikal tentang peranan sastera sebagai medium komunikasi antara budaya dalam memupuk perpaduan sosial dan keharmonian, sekali gus menegaskan kekayaan budaya Malaysia serta keupayaan sastera dalam merapatkan jurang budaya.

Kata Kunci: Perpaduan, budaya, idea dan falsafah, adat resam, kesenian

***Cultural Discourses of Indian and Malay Communities in the Narrative of the Novel
Sangeetha: A Cross-Cultural Approach***

ABSTRACT

Malaysia is recognized as a multicultural nation in which the spirit of mutual respect among diverse ethnic communities forms the foundation of national harmony. This cultural diversity is not only evident in everyday interactions but is also significantly expressed through literary works. One prominent example is *Sangeetha*, a novel by the renowned Malaysian writer Azizi Haji Abdullah. Through this work, Azizi explores the dynamics of intercultural understanding, particularly between the Malay and Indian communities. Accordingly, this study aims to identify the representations of surface culture and deep culture in *Sangeetha*, as well as to analyze how these elements function as a medium of intercultural communication in fostering social cohesion. This study employs the Iceberg Theory as an analytical framework to examine both surface cultural dimensions and deep culture (the underlying) cultural aspects embedded in societal values and thought. Content analysis is used to obtain data, while thematic analysis is applied to identify the main themes within the text. The findings indicate that the dominant surface cultural elements in the novel include occupations and economic activities, traditional attire, and musical arts. Meanwhile, the deep cultural elements identified involve the roles of women, religious beliefs and practices, and language. The analysis also reveals that interactions between characters from different cultural backgrounds are portrayed through processes of cultural adaptation, the sharing of cultural symbols, and identity negotiation, all of which contribute to the development of mutual understanding. These findings demonstrate that *Sangeetha* is not merely a creative work but also functions as a cultural document that records and preserves shared values, philosophies of life, customs, and artistic expressions of a plural society. This study offers critical insights into the role of literature as a medium of intercultural communication in fostering social cohesion and harmony, while underscoring the richness of Malaysian culture and the capacity of literature to bridge cultural divides.

Keywords: Unity; culture; ideas and philosophies; customs; arts

PENDAHULUAN

Bidang kesusasteraan merupakan medium yang signifikan dalam merepresentasikan realiti kehidupan masyarakat serta menyampaikan nilai, norma, dan ideologi tertentu. Hal ini sejajar dengan pandangan bahawa sastera berfungsi sebagai cerminan masyarakat serta wahana yang mengungkap dan mengkritik realiti sosial dalam sesuatu konteks budaya (Akhter, 2020). Selain itu, karya sastera juga berperanan dalam membentuk makna sosial melalui proses interaksi antara teks, pembaca, dan konteks sosio-sejarah (Vána, 2020). Oleh itu, karya sastera tidak hanya berfungsi sebagai bentuk hiburan, malah turut berperanan sebagai wahana pendidikan, agen sosialisasi budaya, serta instrumen dalam pembentukan pemikiran dan kesedaran masyarakat (Manugeran et al., 2020). Karya sastera sejak awal tamadun manusia telah digunakan sebagai “alat” untuk memenuhi pelbagai tujuan seperti pendidikan, politik, budaya, ekonomi, undang-undang, sosial, dan agama. Hal ini menunjukkan bahawa sastera mempunyai fungsi sosial yang signifikan dalam membentuk dan mencerminkan kehidupan manusia (Hadijah Rahmat, 1991). Selain itu, sastera juga merupakan gambaran kehidupan yang

diterjemahkan melalui pemikiran imajinatif, disusun dalam struktur yang terkawal dan menggunakan bahasa yang indah (Salmah Ayob, 1981). Melalui karya sastera, pembaca dapat memahami konflik, watak, latar, serta persoalan-persoalan sejagat yang berkaitan dengan pengalaman manusia.

Dalam konteks masyarakat majmuk seperti Malaysia, karya sastera turut berfungsi sebagai medium representasi budaya dan komunikasi antara budaya. Novel, cerpen, dan karya kreatif sering memaparkan interaksi antara etnik, amalan budaya, nilai, dan kepercayaan yang berbeza, sekaligus membuka ruang kepada penelitian dari perspektif komunikasi silang budaya. Kajian silang budaya dalam sastera berkembang melalui disiplin kesusasteraan bandingan yang meneliti persamaan, perbezaan, dan interaksi antara budaya dalam teks. Kesusasteraan bandingan ialah disiplin yang relevan dalam meneliti soal kelainan bangsa, budaya, dan pencarian identiti masyarakat, khususnya dalam wacana pascakolonial (Md. Salleh Yaapar, 1999), Selaras dengan itu, kajian-kajian terdahulu telah meneliti karya sastera dari sudut identiti budaya, konflik etnik, dan representasi nilai masyarakat (Shamsudin & Hamzah, 2020; Hassan, 2021). Namun demikian, kebanyakan kajian terdahulu lebih tertumpu kepada aspek tema, persoalan, atau analisis budaya secara umum, dan kurang memberi perhatian kepada analisis budaya tersurat dan budaya tersirat berdasarkan kerangka komunikasi antara budaya seperti Teori Bongkah Ais.

Dalam konteks novel *Sangeetha* karya Azizi Haji Abdullah, kajian berkaitan representasi budaya Melayu dan India telah dilakukan secara terbatas dan lebih menjurus kepada aspek naratif atau nilai kemanusiaan. Walau bagaimanapun, masih terdapat kelompangan kajian dari segi analisis yang memfokuskan bagaimana elemen budaya tersurat seperti bahasa, makanan, pakaian, dan ritual dipaparkan bersama elemen budaya tersirat seperti nilai, kepercayaan, penghormatan, dan identiti dalam membentuk persefahaman antara budaya. Oleh itu, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan menggunakan Teori Bongkah Ais sebagai kerangka analisis bagi memahami dimensi budaya yang kelihatan dan yang tersembunyi dalam novel ini.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti representasi budaya tersurat dalam novel *Sangeetha*, menganalisis unsur-unsur budaya tersirat yang dipaparkan melalui interaksi antara watak, serta meneliti bagaimana kedua-dua unsur budaya tersebut berfungsi sebagai medium komunikasi antara budaya dalam usaha memupuk perpaduan sosial. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini digerakkan oleh beberapa persoalan utama, iaitu untuk meneliti bentuk budaya tersurat yang dipaparkan dalam novel *Sangeetha*, mengenal pasti unsur budaya tersirat yang terkandung dalam novel tersebut, dan menganalisis bagaimana representasi budaya berkenaan menyumbang kepada pemahaman serta keharmonian antara budaya dalam masyarakat majmuk.

Konsep Silang Budaya

Budaya merupakan suatu konsep yang kompleks dan dinamik yang merangkumi keseluruhan cara hidup sesuatu masyarakat, termasuk nilai, kepercayaan, norma, bahasa, simbol, adat resam, serta cara berfikir dan bertindak yang diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya. Dalam konteks kajian sosial dan kemanusiaan, budaya tidak hanya dilihat sebagai hasil kebendaan atau amalan luaran semata-mata, tetapi turut melibatkan dimensi dalaman seperti sistem makna, ideologi, dan pandangan hidup yang membentuk identiti sesuatu kelompok. Suwardi Endraswara (2006) menegaskan bahawa budaya berkait rapat dengan kehidupan manusia yang sentiasa dipelihara dan diamalkan melalui tindakan sosial. Pandangan ini selari

dengan perspektif komunikasi yang melihat budaya sebagai kerangka rujukan yang mempengaruhi bagaimana individu mentafsir pengalaman, membina makna, dan berinteraksi dengan orang lain.

Dalam konteks komunikasi silang budaya, budaya menjadi asas penting dalam proses pertukaran mesej antara individu atau kumpulan yang berlatarbelakangkan budaya berbeza. Samovar, Porter, dan McDaniel (2012) menjelaskan bahawa komunikasi silang budaya berlaku apabila mesej yang disampaikan oleh individu daripada budaya berbeza ditafsirkan melalui kerangka budaya masing-masing, yang berpotensi menimbulkan salah faham sekiranya wujud perbezaan nilai, simbol atau gaya komunikasi. Oleh itu, komunikasi silang budaya bukan sekadar merujuk kepada interaksi antara budaya yang berbeza, tetapi turut melibatkan proses penyesuaian, rundingan makna, dan pembinaan persefahaman bersama. Kecekapan dalam komunikasi silang budaya menjadi semakin penting dalam era globalisasi yang dicirikan oleh migrasi, mobiliti antarabangsa, pendidikan rentas negara, perniagaan global, serta perkembangan media dan teknologi komunikasi.

Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara majmuk, komunikasi silang budaya berlaku secara aktif dalam kehidupan seharian melalui interaksi antara kaum Melayu, Cina, India dan etnik-etnik lain. Hubungan ini memperlihatkan bahawa budaya bukan hanya diamalkan dalam kelompok etnik tertentu, tetapi juga boleh diterima, dihormati, malah diasimilasikan oleh kelompok lain melalui proses interaksi sosial yang berterusan. Menurut Ratnasari (2019), silang budaya melibatkan pelbagai bentuk aktiviti dan urusan antara budaya yang berbeza sama ada dalam konteks tempatan mahupun antarabangsa. Fenomena ini dapat dilihat dalam masyarakat Malaysia apabila unsur budaya seperti makanan, pakaian, bahasa dan sambutan perayaan dikongsi serta diraikan bersama oleh masyarakat berbilang kaum.

Dari sudut sejarah, pembentukan budaya di Malaysia turut dipengaruhi oleh proses pertembungan, penyesuaian dan asimilasi antara tamadun. Menurut A. Aziz (2005), kebudayaan di Tanah Melayu telah mengalami perubahan yang ketara hasil pertembungan budaya antara Tamadun India, China dan Melayu sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15. Proses asimilasi ini telah menghasilkan identiti budaya yang unik dan tersendiri dalam masyarakat Malaysia. Oleh itu, memahami budaya dan komunikasi silang budaya dalam konteks tempatan amat penting untuk meneliti bagaimana representasi budaya dipaparkan dalam karya sastera seperti novel *Sangeetha*. Dalam kajian ini, pendekatan silang budaya digunakan untuk menganalisis bagaimana unsur budaya tersurat dan tersirat masyarakat Melayu dan India digambarkan melalui interaksi watak, sekali gus memperlihatkan peranan sastera sebagai medium komunikasi dalam memupuk persefahaman dan keharmonian sosial.

Teori Bongkah Ais (Iceberg Theory)

Teori Bongkah Ais (Iceberg Theory) digunakan dalam kajian ini sebagai kerangka konseptual untuk menganalisis representasi budaya dalam novel *Sangeetha* karya Azizi Haji Abdullah. Teori ini diasaskan oleh pakar bidang komunikasi, Edward T. Hall pada 1976 banyak menyumbang kepada pemahaman tentang komunikasi silang budaya. Teori ini mengibaratkan budaya seperti sebungkah ais yang terapung di lautan, yang mana hanya sebahagian kecil kelihatan di permukaan, manakala sebahagian besar lagi tersembunyi di bawah permukaan. Analogi ini menjelaskan bahawa budaya terdiri daripada dua dimensi utama, iaitu budaya tersurat (surface culture) dan budaya tersirat (deep culture). Budaya tersurat merujuk kepada elemen budaya yang dapat dilihat, diperhatikan, dan dikenal pasti secara langsung seperti

bahasa, pakaian, makanan, adat resam, seni bina, muzik dan tarian. Elemen-elemen ini lebih mudah difahami kerana bersifat zahir dan nyata dalam teks.

Sebaliknya, budaya tersirat merujuk kepada dimensi budaya yang tersembunyi dan memerlukan interpretasi yang lebih mendalam. Dimensi ini merangkumi nilai, kepercayaan, norma sosial, andaian, gaya komunikasi, pandangan terhadap kuasa dan autoriti, konsep maruah, peranan gender, serta falsafah di sebalik sesuatu amalan budaya. Elemen-elemen ini lazimnya tidak dinyatakan secara langsung dalam teks, tetapi dapat dikenal pasti melalui tingkah laku watak, dialog, konflik, dan naratif yang menggambarkan cara berfikir serta sistem makna sesuatu kelompok budaya.

Dalam kajian ini, teori ini diaplikasikan melalui proses analisis kandungan dan analisis tematik terhadap teks novel. Setiap unit analisis seperti dialog, naratif, deskripsi watak, latar, dan peristiwa akan dikenal pasti dan dikategorikan kepada dua tema utama, iaitu budaya tersurat dan budaya tersirat. Sebagai contoh, deskripsi tentang makanan tradisional India atau pakaian masyarakat Melayu dikategorikan sebagai budaya tersurat kerana elemen tersebut dapat diperhatikan secara langsung. Sebaliknya, elemen seperti penghormatan terhadap orang tua, nilai kekeluargaan, toleransi antara kaum, atau konflik identiti dikategorikan sebagai budaya tersirat kerana memerlukan interpretasi terhadap makna di sebalik tindakan atau interaksi watak.

Kategori ini dibuat berdasarkan ciri-ciri yang digariskan dalam Teori Bongkah Ais, dengan meneliti sama ada sesuatu elemen dipaparkan secara eksplisit atau tersirat dalam teks. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti bagaimana unsur budaya Melayu dan India dipersembahkan bukan sahaja pada tahap permukaan, tetapi juga pada tahap makna yang lebih mendalam. Dengan menggunakan teori ini, kajian dapat meneliti bagaimana interaksi budaya dalam novel mencerminkan persefahaman, penyesuaian, ketegangan, atau asimilasi antara budaya yang berbeza. Oleh itu, Teori Bongkah Ais sesuai digunakan sebagai lensa analisis untuk memahami kerencaman budaya dan peranan sastera sebagai medium komunikasi antara budaya dalam masyarakat majmuk.

METODOLOGI

Kajian ini memilih pendekatan kualitatif sebagai kaedah utama kerana ia lebih sesuai untuk memahami makna dan interpretasi simbolik dalam konteks budaya serta komunikasi yang bersifat subjektif. Menurut Bogdan dan Taylor (1975) metodologi kualitatif merupakan prosedur penelitian yang menghasilkan data deskriptif berupa kata-kata tertulis atau lisan dari orang-orang dan perilaku yang dapat diamati. Bryant (2006) berpendapat bahawa kajian bersifat kualitatif sangat bersesuaian untuk diaplikasikan dalam menjalankan kajian yang berkaitan dengan proses perubahan organisasi. Ini berdasarkan fakta bahawa selaras dengan konsep teori Pembangunan Sosial yang berpaksikan bahawa realiti sosial itu adalah terbentuk dari pandangan dan tafsiran individu dalam masyarakat atau organisasi yang dilihat secara kolektif atau menyeluruh (dipetik daripada Sulaiman Tahajuddin et.al ,2021). Menurut Najibah Mustafa dan Mohd Zamro Muda (2014) kajian yang bersifat kualitatif, iaitu kajian yang cenderung kepada metode pengumpulan data melalui pemerhatian ataupun penganalisan kandungan dokumen. Pendekatan ini membolehkan penyelidik meneliti secara mendalam kandungan dan makna sesuatu fenomena melalui proses interpretasi yang bersifat kontekstual dan deskriptif.

Bagi mencapai objektif kajian, dua kaedah utama telah diaplikasikan, iaitu kajian kepustakaan dan analisis teks. Walau bagaimanapun, perbezaan serta hubungan antara kedua-

dua kaedah ini perlu diperjelaskan dengan lebih tuntas. Kajian kepustakaan merujuk kepada proses pengumpulan, penilaian, dan sintesis sumber-sumber sekunder seperti buku, artikel jurnal, dan dokumen akademik yang berkaitan dengan topik kajian (John W. Creswell, 2014; Uma Sekaran & Bougie, 2016). Kaedah ini berfungsi sebagai asas teoritikal dan konseptual dengan menyediakan kerangka pemahaman awal, termasuk konsep, definisi, dan perbincangan ilmiah yang relevan (Lawrence A. Machi & McEvoy, 2016; John W. Creswell, 2014; Chris Hart, 1998). Sebaliknya, analisis teks merupakan kaedah yang memberi tumpuan secara langsung kepada kandungan teks sebagai unit analisis utama. Dalam pendekatan ini, teks dianalisis secara mendalam untuk mengenal pasti tema, simbol, makna tersirat, serta struktur naratif tanpa bergantung secara langsung kepada niat pengarang atau respons khalayak. Analisis teks membolehkan penyelidik mentafsir makna yang terkandung dalam teks secara sistematik dan kritis (Norman Fairclough, 1995; Johnny Saldaña, 2016; Klaus Krippendorff, 2018). Gabungan kedua-dua kaedah ini membolehkan kajian dijalankan secara lebih komprehensif, sistematik, dan berlapis, seterusnya meningkatkan ketepatan serta keabsahan dapatan kajian.

Kajian kepustakaan berperanan sebagai landasan teoritikal dan konseptual bagi kajian ini. Melalui kaedah ini, penyelidik telah meneliti dan menganalisis pelbagai sumber sekunder yang relevan termasuk buku ilmiah, jurnal akademik, artikel persidangan, serta sumber dalam talian yang mempunyai kredibiliti akademik. Kajian kepustakaan ini bertujuan untuk mengenal pasti teori-teori yang relevan bagi mendapatkan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap latar belakang dan konteks budaya yang menjadi fokus kajian dan menyusun kerangka konseptual yang menjadi asas kepada analisis teks. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh pemahaman penyelidik terhadap isu kajian, tetapi turut menyumbang kepada pembentukan kerangka teori yang digunakan dalam proses analisis data. Dalam kajian ini, penyelidik telah mengaplikasikan kerangka teori bongkah ais (Hall E.T, 1976) untuk menstrukturkan proses analisis dan tafsiran. Teori ini digunakan untuk membaca teks dengan memberi penekanan kepada budaya tersurat dan budaya tersirat yang termanifestasi dalam wacana dan naratif teks. Dengan cara ini, analisis tidak bersifat spekulatif tetapi berakar pada premis teoritikal yang kukuh.

Kaedah kedua yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis teks secara tekstual yang berfokus sepenuhnya kepada kandungan novel *Sangeetha* tanpa mengaitkannya secara langsung dengan pengarang, khalayak, atau konteks sosio-sejarah penghasilan teks. Dalam pendekatan ini, teks dianggap sebagai entiti autonomi yang mengandungi makna intrinsik dan mampu mencerminkan nilai budaya serta elemen silang budaya yang terkandung di dalamnya.

Proses analisis dimulakan dengan pembacaan berulang secara menyeluruh bagi mengenal pasti petikan yang relevan, termasuk dialog, naratif, dan deskripsi yang menggambarkan interaksi antara masyarakat Melayu dan India. Pemilihan petikan ditentukan berdasarkan tiga kriteria utama, iaitu representasi eksplisit budaya tersurat seperti makanan, pakaian, bahasa dan adat resam manakala representasi implisit pula menerangkan tentang budaya tersirat yang merangkumi nilai, kepercayaan, norma sosial, penghormatan dan identiti budaya serta petikan yang memperlihatkan dinamika hubungan antara budaya seperti interaksi, penyesuaian, konflik atau asimilasi.

Seterusnya, data yang telah dikenal pasti dikodkan secara manual dengan mengklasifikasikannya mengikut dua kategori utama berasaskan kerangka Teori Bongkah Ais, iaitu budaya tersurat dan budaya tersirat. Kod ini kemudiannya dianalisis menggunakan analisis tematik bagi mengenal pasti pola, hubungan dan variasi dalam representasi budaya yang muncul dalam teks. Proses ini membolehkan pembentukan tema-tema utama seperti

toleransi budaya, perkongsian simbol budaya, penghormatan terhadap tradisi, serta rundingan identiti antara budaya.

Akhirnya, semua tema dan dapatan yang terhasil dianalisis semula dalam kerangka konseptual kajian bagi menilai sumbangan teks terhadap pemahaman interaksi silang budaya. Hasil analisis ini bukan sahaja bersifat deskriptif, tetapi turut bersifat analitik dan kritis, khususnya dalam menjelaskan dinamika representasi identiti, kuasa, dan proses negosiasi budaya yang terungkap dalam teks.

Secara keseluruhan, pendekatan ini membolehkan kajian melangkaui pengenalanpastian elemen budaya semata-mata, sebaliknya meneliti bagaimana budaya dibentuk, ditafsirkan dan dinegosiasikan dalam ruang naratif, sekali gus menjadikan novel ini sebagai sumber penting dalam memahami kerencaman hubungan antara budaya dalam masyarakat majmuk.

ANALISIS DAN DAPATAN

Perbincangan analisis dapatan kajian ini memberi tumpuan kepada interpretasi secara mendalam terhadap data yang diperolehi daripada teks novel *Sangeetha* karya Azizi Haji Abdullah. Analisis dilakukan dengan meneliti secara sistematik elemen-elemen silang budaya yang wujud dalam naratif novel, khususnya melalui pertembungan, penyesuaian, dan representasi dua bentuk budaya yang berbeza sebagaimana yang diuraikan berdasarkan Teori Bongkah Ais. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti bukan sahaja aspek budaya yang bersifat tersurat dalam teks, malah turut menelusuri makna tersirat yang membentuk pemikiran, nilai, dan worldview watak-watak dalam novel tersebut.

Selain itu, dapatan kajian ini turut dianalisis dengan menghubungkan sorotan literatur yang berkaitan bagi memperkukuh hujah serta memperlihatkan keselarasan atau perbezaan dengan kajian-kajian terdahulu. Hasil analisis menunjukkan bahawa interaksi budaya dalam novel *Sangeetha* bukan sekadar berfungsi sebagai latar penceritaan, tetapi turut menjadi mekanisme penting dalam membentuk konflik, perkembangan watak, serta penyampaian mesej pengarang. Justeru, perbincangan ini memperlihatkan bahawa unsur budaya yang digarap dalam teks sastera mempunyai lapisan makna yang kompleks dan signifikan dalam memahami realiti sosial yang ingin diketengahkan oleh pengarang.

Budaya Tersurat dalam novel *Sangeetha*

Budaya tersurat merujuk kepada elemen yang dapat diperhatikan secara langsung dan nyata dalam kehidupan seharian watak-watak yang digambarkan dalam novel *Sangeetha*. Elemen-elemen ini mencerminkan praktik budaya yang wujud secara luaran dan jelas dilihat.

i. Pekerjaan dan Aktiviti Ekonomi

Jika ditelusuri sejarah kedatangan masyarakat India ke Asia Tenggara berlaku sejak awal lagi kira-kira pada abad 1 masehi melalui kewujudan kerajaan-kerajaan seperti Funan, Angkor, dan diikuti oleh kerajaan Sriwijaya, Majapahit, Langkasuka dan sebagainya. Malah, di Tanah Melayu kedatangan orang India sangat sinonim dengan kewujudan lembah bujang yang terkenal dengan Candi Bukit Batu Pahatnya. Jumpaan monumen, seni arca, dan tinggalan-tinggalan lain seperti patung dan artifak di Lembah Bujang menunjukkan pengaruh Keindiaan yang sangat kuat. Malah, pengaruh ini juga dapat dilihat dengan jelas dalam aspek sosiobudaya masyarakat tempatan. Misalnya

dari aspek bahasa, bahasa Sanskrit terserap ke dalam bahasa Melayu seperti perkataan anugerah, asrama, bayu, bahu, bangsa dan sebagainya (Jaya Gannesan Sela Sundram & Azharudin Mohamed Dali, 2022).

Dalam Novel Sangeetha, pengarang menggambarkan watak-watak seperti Derus, Sangeetha, Viralal saling menerima dan menghormati budaya masing-masing. Pengarang menunjukkan watak Viralal merupakan seorang usahawan barangan kitar semula yang berjaya dan mempunyai seorang pekerja iaitu Derus sepertimana yang telah digambarkan dalam bab pertama novel Sangeetha. Mereka berurusan bukan sahaja seperti majikan dan pekerja tetapi seperti seperti seorang sahabat yang begitu dipercayai.

Derus menjadi orang harapannya sejak dia berkahwin dengan Viralal lagi. Masa itu Viralal berniaga besi buruk, botol dan surat khabar lama yang dikitar semula. Derus akan cepat-cepat datang apabila kerjanya selesai di pejabat pos.

(Sangeetha:8)

Selain itu, pengarang juga turut menggambarkan budaya masyarakat Melayu yang bekerja dalam sektor kerajaan dan swasta. Gambaran ini dapat diperjelaskan melalui watak-watak Derus, Hussein, Mamat dan Karim yang kesemuanya bekerja makan gaji. Melalui cerita ini, pengarang menjadikan watak-watak ini sebagai gambaran realiti masyarakat Melayu yang lebih cenderung untuk bekerja makan gaji daripada bekerja sendiri. Gambaran ini sangat jelas diolah oleh pengarang:

Derus berasal daripada Batu pahat, Johor. Ketika mula-mula bekerja sebagai posmen, yang dibawanya hanyalah gambus.....

(Sangeetha: 43)

Manakala pengarang menggambarkan watak Husin yang bekerja sebagai kerani:

“Husin, penyewa yang bekerja sebagai kerani pejabat peguam itu.....”

(Sangeetha:36)

Pada masa yang sama, watak Mamat dan juga Karim turut digambarkan oleh pengarang tentang pekerjaannya dengan jelas:

Derus mendengar laungan drebar lori ketika dia sedang menggosok-gosong kong basikal Raleighnya.

“Hooii!” balasnya dengan nyaring.

“Tak main gambus?” tanya lagi drebar yang dikenalnya bernama Mamat...”

(Sangeetha: 53)

Dia juga kenal dengan kelindan itu. Karim namanya, yang sebaya dengan Mamat.....busuk dan beluting mereka sama dengan busuk dan beluting lori sampah Majlis Bandaran itu.

(Sangeetha: 53)

Di samping itu, pengarang juga menggambarkan kehidupan watak-watak Melayu yang hidup serba sederhana. Ini digambarkan dengan jelas melalui watak Derus dan Husin yang menyewa rumah Viralal.

Derus tidak tinggal seorang. Apabila Viralal membeli rumah yang diduduki Sangeetha sekarang, dia pindah ke situ. Derus cuma menyewa tingkat atas termasuk dua bilik, dua bilik air dan dua tandas, tetapi bilik air, tandas yang satu lagi tu tidak pun diguna. Dua bilik dipisahkan oleh ruang di tengah yang juga luas. Bilik di bawah, disewa pula oleh Husin, kerani pejabat peguam.

(Sangeetha: 35)

ii. Pakaian tradisi

Pakaian telah digunakan selama berabad-abad untuk melindungi, menarik dan menentukan identiti sesebuah masyarakat atau bangsa itu sendiri. Misalnya, baju kurung dan baju Melayu merupakan pakaian tradisonal orang Melayu, pakaian Chiongsam dan Samfoo merupakan pakaian tradisi orang Cina dan Sari serta Dhoti merupakan pakaian tradisi orang India. Setiap pakaian yang diketengahkan menunjukkan ciri-ciri kesopanan dan menjaga maruah si pemakai. Simbol status sosial dan maruah merupakan budaya tersirat yang terangkum dalam gaya pemakaian pada setiap kaum. Dalam novel ini, watak Sangeetha sentiasa mengenakan sari dan perhiasannya yang nampak begitu sopan. Bahkan sari dipakai bukan sahaja di majlis-majlis malah watak ini turut mengenakan sari ketika di rumah sesuai dengan status isteri dan kemudian sebagai balu Viralal. Contohnya;

Dia pun menyarung kaili kemerah-merahan. Merah buah manggis. Sayangnya kaili agak longgar. Tak mungkin kaili semakin besar. Apatah pingganinya semakin kurus atau segala gelambir isi perut menjadikan kaili itu boleh dikisar dan dipusing? Diambil sari berwarna kuning dengan kaili merah sangat kena. Manakala kain sari seperti kelumbang disilang ke paras bahu.

(Sangeetha:187)

Watak Sangeetha digambarkan oleh pengarang seorang yang mengambil berat akan gaya pemakaiannya. Bagi Sangeetha, tidak lengkap jika memakai sari tetapi tidak mengenakan perhiasan diri seperti Kolusu, Kaili, Valiyel dan sebagainya. Kolusu ialah perhiasan diri bagi wanita India yang dipakai di kaki. Mukuti pula hiasan yang dipakai ditepi hidung. Bentuknya kecil seperti biji padi masak. Manakala, kapel pula ialah hiasan yang dipakai di tangan seperti gelang tangan. Dia juga turut mengenakan bunga Melur di sanggulnya. Apabila menghadiri majlis rasmi, Sangeetha akan membeli sepasang sari baru untuk dipakai pada majlis tersebut. Hal ini digambarkan oleh pengarang seperti berikut;

Ketika membeli dua pasang sari dan blaus, Sangeetha meminta Derus memilih warna dan dua helai seluar hitam dibeli pula untuk Derus.

(Sangeetha: 346)

Gaya pemakaian sari dalam masyarakat India turut diterima dalam masyarakat Melayu. Watak Derus dan watak-watak lelaki Melayu yang lain, sudah biasa melihat Sangeetha kemana-mana dengan memakai sari. Hal ini diketengahkan oleh pengarang.

Maka dengan keyakinan tentang Derus akan datang dan suka melihat apa-apa yang dipakainya, dia pun menyarung kaili kemerah-merahan.

(Sangeetha: 186)

Dalam novel ini juga, pengarang turut memperincikan pakaian lelaki bagi kaum India seperti mengenakan kain belacu putih, bercawat sepertimana adat masyarakat India.

Apabila Viralal menjerut kain belacu putihnya ke pinggang kemudian menariknya menjadi cawat hingga ke celah kangkang, dia selalu melarangnya kerana pakaian sebegitu tidak berapa disukainya. "Ini adat kita," sanggah Viralal. Di sini negara kita, beradatnya dengan negara ini," katanya pula.

(Sangeetha:5)

Gaya pemakaian lelaki India yang mengenakan kemeja putih dan seluar hitam dapat diterima oleh kebanyakan masyarakat termasuklah masyarakat Melayu. Ini digambarkan apabila Derus telah memakai pakaian Viralal yang diberi kepadanya.

Derus terkedu. Tergamam. mimpi apakah Sangeetha hari ini. Dua hari yang lalu disuruh pakai baju, hari ini disuruh pula pakai seluar dan baju Viralal. Mimpi apakah Sangeetha?

"Ambillah!" kata Sangeetha apabila melihat Derus teragak-agak. "Baju Viralal tu banyak. Siapa lagi yang nak pakai?" katanya lagi.

Tiba-tiba Derus tersenyum.....

(Sangeetha:205)

Dalam masyarakat Melayu, pakaian yang biasa dipakai oleh wanita Melayu ialah baju kurung dan tudung. Manakala bagi lelaki Melayu pula, baju Melayu yang dipadankan dengan seluar mahupun kain pelikat. Bentuk baju kurung yang menutup aurat dan labuh bertepatan dengan kehendak syariat Islam. Namun, dalam novel ini pengarang tidak memperincikan pakaian Derus yang menunjukkan identiti pakaian Melayu kecuali menyatakan *Sangeetha* membelikan dua helai seluar hitam untuk Derus.

Ketika membeli dua pasang sari dan blaus, Sangeetha meminta Derus

memilih warna dan dua helai seluar hitam dibeli pula untuk Derus.

(Sangeetha: 346)

iii. Seni muzik tradisional

Muzik dalam novel Sangeetha bukan sekadar digambarkan sebagai elemen seni universal, tetapi berfungsi sebagai medium interaksi budaya dan komunikasi emosi antara watak. Pengarang mengangkat kesenian muzik India dan Melayu sebagai ruang pertemuan identiti, khususnya melalui hubungan antara Viralal, Sangeetha dan Derus. Dialog seperti “tabla boleh masuk dalam irama ghazal” (hlm. 87) memperlihatkan usaha penyatuan budaya melalui muzik, sekali gus mencerminkan realiti masyarakat majmuk di Malaysia. Selain itu, penerimaan watak terhadap muzik yang tidak sepenuhnya difahami seperti Derus yang tetap menghargai permainan tabla Sangeetha menunjukkan muzik sebagai bahasa emosi yang melangkaui batas etnik dan pengetahuan teknikal. Dalam konteks ini, muzik berfungsi sebagai simbol keterhubungan, kehilangan dan ekspresi perasaan, khususnya apabila permainan muzik Sangeetha berkembang selepas kematian Viralal dan menjadi saluran emosinya terhadap Derus.

“Tapi kebudayaan Malaysia mesti disatukan.” Viralal cepat menjawab.

“tabla boleh masuk dalam irama ghazal!”

(Sangeetha:87)

Malah, pengarang turut menggambarkan bagaimana Viralal, Sangeetha dan Derus masing-masing menerima dan menghormati irama tradisional yang dimainkan meskipun tidak memahami. Pengarang menggambarkan watak Derus tersenyum apabila mengingatkan bahawa Sangeetha mula minat bermain muzik setelah Viralal meninggal dunia. Sebagai contoh;

Kerana itu apabila dia ke rumah Sangeetha menyapu sampah, mencabut rumput, membakar daun-daun kering atau ketika memandikan burung merbuk, dia hanya tersenyum apabila melihat Sangeetha memukul tabla dan dagga. Rupa-rupanya Sangeetha memiliki kecenderungan seni juga sejak kematian Viralal.

(Sangeetha:42)

Seterusnya, seni muzik yang dimainkan oleh Sangeetha juga sebagai satu ekspresi perasaannya terhadap Derus.

‘Geetha.....’Derus hampir sebak.

Masakan tidak sebak kalau dalam keadaan melepaskan kekecewaan, Sangeetha tidak tentu hala dengan tempo vilambit atau drut. Apalagi secara saintifiknya untuk menamakan ektal paluan 12, jhaptal paluan 10 atau dadra paluan bahagi 3-3.

(Sangeetha:289)

Bagi muzik tradisional Melayu pula, pengarang mengangkat alat muzik gambus sebagai elemen budaya dalam novel ini. Meskipun peralatan muzik ini dikatakan menyerupai alat muzik dari Arab namun ia sudah diterima dalam masyarakat Melayu asli. Gambus berasal daripada perkataan Arab iaitu *qupuz*. Perkataan asal *qupuz* mengalami perubahan linguistik lalu menjadi *gabbus* di Zanzibar dan di Filipina Selatan. Di Republik Malagasy pula ia menjadi *kaboosa*. Setelah diperkenalkan di Alam Melayu, nama *kaboosa* telah mengalami perubahan iaitu *gambus*. *Kaboosa* dan *gambus* mempunyai persamaan dan mempunyai perhubungan struktur dengan *gabbus*. *Gambus* di Kepulauan Melayu boleh didapati di Malaysia Barat dalam kumpulan tradisional seperti ghazal dan zapin. Ia amat terkenal di negeri Johor. *Gambus* juga boleh didapati di daerah pesisir Sumatera dan Jawa dalam kumpulan muzik gambus atau gambusan. (Mohd Nizam Attan,2013)

Dalam novel ini, pengarang menggambarkan watak Sangeetha seorang yang dapat menghayati petikan irama gambus yang dimainkan oleh Derus. Ini dapat dilihat dalam contoh petikan novel ini.

Maka dalam sangkaan malunya itu, tiba-tiba Sangeetha menjadi terpesona apabila terdengar petikan gambus Derus seperti gila dan tidak sedarkan diri.

(Sangeetha:326)

Walaupun dalam novel ini digambarkan Derus tidak begitu pandai bermain alat muzik ini namun ia tetap berusaha untuk terus memainkan lagu-lagu kesukaannya dengan diiringi dengan irama gambus. Derus sering memainkan lagu, “Cincang Rebung”, “Tiga Dara”, “Burung Putih”, dan lain-lain. Walaupun iramanya tidak berseni dan keras kedengaran tapi itu semua tidak mematahkan semangatnya untuk terus bermain Gambus. Contohnya;

Bunyi petikannya tidaklah berseni. Keras kejang dengan lantunan dengung Yang tidak bertingkah. Akan tetapi sudah cukup baginya untuk mendapat Satu kepuasan. Tidak kiralah lagu apapun. Dia akan terus memetik baik lagu “Tiga Dara”, “Burung Putih” atau “Cincang Rebung” dan lain-lain.

(Sangeetha:86)

Justeru, dalam novel Sangeetha ini, muzik menjadi medium komunikasi emosi dan interaksi sosial antara watak. Watak-watak dalam novel ini mempamerkan seni muzik sebagai sebahagian dari gaya hidup, bukan hanya sebagai persembahan formal tetapi juga dalam kegiatan harian. Penggunaan tabla dan dagga oleh watak Viralal dan Sangeetha merupakan manifestasi langsung budaya muzik India yang dibawa ke Tanah Melayu. Manakala Derus sebagai watak Melayu memanifestasikan penghargaan kepada gambus, alat muzik tradisional yang dikaitkan dengan irama ghazal dan zapin. Dalam novel ini pengarang turut menyelit secara halus pandangan dan penerimaan yang berbeza antara golongan muda dan tua terhadap seni muzik tradisional. Generasi muda

sudah tidak meminati muzik tradisional seolah-olah cepat melupakan budaya sendiri dan mengagongkan budaya barat. Misalnya;

Memang Husin penyewa bilik bawah itu tidak faham bahawa gambus mempunyai nada yang cukup lembut, tidak seperti gitar yang garing dan keras bunyinya. Apakah mereka tidak tahu gambus semacam dengan hapsikod atau mandolin?

(Sangeetha: 167)

Budaya tersirat dalam novel Sangeetha.

Dalam novel Sangeetha, budaya tersirat ditampilkan melalui nilai, persepsi dan amalan yang membentuk interaksi antara watak, khususnya dalam aspek peranan jantina dan penerimaan budaya. Elemen-elemen ini tidak dinyatakan secara langsung, tetapi dapat ditafsir melalui tingkah laku dan hubungan antara watak, sekaligus memperlihatkan bagaimana norma budaya mempengaruhi cara mereka berfikir dan bertindak.

i. Peranan jantina

Dalam novel ini, pengarang mengetengahkan watak Sangeetha sebagai wanita yang berpendidikan, bebas membuat keputusan, dan aktif dalam kegiatan kebajikan merupakan suatu representasi tersirat tentang peranan wanita moden dalam masyarakat India yang sedang berubah. Peranannya sebagai penderma dan penjaga hubungan sosial juga adalah bahagian daripada manifestasi budaya yang boleh diperhatikan. Watak Sangeetha dalam novel ini merupakan representasi budaya tersirat wanita moden India yang berpendidikan, berdikari, dan aktif dalam kegiatan sosial. Setelah kematian suaminya, beliau meneruskan usaha kebajikan dan menjadi individu yang dihormati oleh pelbagai pihak, termasuk NGO Islam. Peranan aktif Sangeetha bukan sahaja mencerminkan satu perubahan dalam jangkaan terhadap wanita dalam budaya India, tetapi juga menunjukkan peningkatan mobiliti sosial dan perubahan dalam struktur gender tradisional, yang kebiasaannya tidak begitu kelihatan dalam budaya tersurat masyarakat India yang terdahulu. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa petikan novel Sangeetha

“Saya amat berterima kasih. Puanlah satu-satunya yang bukan beragama Islam yang sering memberi bantuan.”

(Sangeetha: 220)

“Sangeetha adalah seorang dermawan yang bukan sahaja sumbangannya di Malaysia malah ke luar negara. Banyak wang ringgitnya sampai di Bangladesh, Pakistan, Afghanistan dan Sudan.”

(Sangeetha: 221)

Hal ini demikian kerana, pada abad ke-19, wanita dalam masyarakat India, tidak dibenarkan bekerja dan menumpukan sepenuhnya kepada suami dan anak-anak jika mereka dari golongan bangsawan, manakala wanita dari golongan miskin dibenarkan bekerja untuk mencari pendapatan hidup. (Margaret Lawson Cormark, 1953). Malah,

pada abad ke-19 ini juga, budaya perkahwinan kanak-kanak seawal usia 5-10 tahun juga turut diamalkan. (Manmohan Kaur, 1985)

Pengarang mengangkat watak Sangeetha sebagai seorang wanita yang dihormati dan disegani oleh kebanyakan masyarakat. Dengan pendidikan yang dimiliki dan sikap terbukanya terhadap masyarakat yang lain, menjadikan dia sentiasa disenangi oleh sesiapa sahaja yang mengenalinya termasuklah Derus pembantu Viralal dahulu. Setelah kematian Viralal, Sangeetha hidup bersendirian dan bergantung harap kepada Derus dalam banyak perkara. Perasaan kasih dan kasihan, hormat-menghormati dan saling mempercayai antara satu sama lain menjadikan Sangeetha dan Derus sangat akrab. Walaupun berbeza budaya, agama dan kepercayaan namun mereka sentiasa menerima antara satu sama lain seadanya.

Derus akan datang dua petang sekali, menyiram pokok-pokok, menyapu Daun-daun kering di halaman. Mengisi air burung Merbuk di dalam sangkar. Menambah padi dan mencuci sangkar atau mengibas-ngibas habuk di badan Moris Minor yang diselimutkan dengan kain.

(Sangeetha: 29)

Keakraban antara Sangeetha dan Derus membuatkan segala nilai-nilai budaya yang diamalkan oleh Sangeetha dapat diterima dan dihormati oleh Derus seperti hal berpakaian, perhiasan diri, termasuk juga hal agama. Begitu juga nilai-nilai budaya Melayu yang diamalkan oleh Derus juga diterima dan dihormati oleh Sangeetha. Pengarang mengetengahkan persoalan ini dengan begitu jelas dan terperinci. Hal ini secara tidak langsung memberi gambaran masyarakat India dan Melayu di Malaysia yang mana mereka saling menerima setiap nilai-nilai yang diamalkan dalam budaya masing-masing sehingga membawa kepada persefahaman dan keamanan dalam masyarakat.

Namun, dalam karya ini, pengarang hanya mengetengahkan watak-watak lelaki Melayu sahaja seperti Derus, Husin, Mamat dan Karim. Manakala watak wanita hanya watak Sangeetha dan juga Meena, adik Sangeetha. Umumnya, peranan asas seorang wanita itu sama sahaja dalam kedua-dua budaya ini, iaitu sebagai ibu, isteri dan anak namun dari segi hak ia berbeza mengikut adat, budaya dan agama masing-masing.

ii. **Pegangan agama dan kepercayaan**

Kepercayaan dan keyakinan terhadap Tuhan merupakan sesuatu fitrah bagi setiap manusia. Di dunia ini, terdapat pelbagai agama dan kepercayaan dan setiap agama perlu dihormati. Agama Islam sendiri menuntut penganutnya supaya tidak memandang rendah pada agama lain. Hal ini dinyatakan dalam al-Quran yang bermaksud;

“Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan, (Surah Al-An’am, 6:108),”

Justeru, dalam hal ini, pengarang mencerminkan sikap Derus yang cuba untuk memahami diri Sangeetha khususnya dari aspek pegangan dan keyakinan kepada

Tuhan. Sikap melihat tanpa mempersoalkan apa-apa tentang hal agama dan kepercayaan Sangeetha dapat dibuktikan dalam petikan di bawah;

Derus mengeluarkan celepa rokok daun. Dibalutnya sebatang tetapi belum sempat hendak dinyalakan, dia dikejutkan hairan lain pula. Rupa-rupanya Sangeetha tidak menyusun jari kepada dua ekor lembu putih yang terangkat kaki depannya, yang terletak di kiri kanan tuhan dewi itu. Rupa-rupanya Sangeetha tidak sembahyang di depan tuhan dewi. Sangeetha mengalih arah yang memapahnya lalu ke tepi satu tiang. Di situ dia duduk.

(Sangeetha:225)

Begitu juga dengan sikap Sangeetha yang menghormati agama Islam. Hal ini jelas menunjukkan mereka saling memahami dan menghormati agama masing-masing. Situasi ini ditunjukkan oleh pengarang melalui watak Sangeetha yang sedang melihat Derus sembahyang.

"Dia melihat Derus yang tergesa-gesa ke tempat wudhuk seperti Derus menghambat sesuatu yang tidak mahu dilepaskannya. Dan apabila Derus bersolat, dia memerhati sungguh-sungguh melalui cermin tingkap Moris Minornya."

(Sangeetha: 227)

Malah, Sangeetha pernah mengusik Derus tentang ketenangan dan kebahagiaan yang diperoleh Derus setiap kali selepas solat.

*"Kalau dapat banyak, berilah pada aku sedikit. Kita kongsi bersama." Begitu dia melakarkan jenaka pada Derus.
"Apa salahnya. Syaratnya akidah kita satu," balas Derus pula.*

(Sangeetha:228)

Di akhir novel ini, pengarang begitu kreatif menyentuh emosi pembaca dan membuatkan pembaca terfikir tentang hal ini, yang mana, diakhir usia mereka berdua, Sangeetha mengharapkan Derus mengajarnya kalimah syahadat. Ini ditunjukkan dalam petikan seperti di bawah;

"Derus,.....ucaplah padaku seperti kaubisik ke telinga Viralal dulu."

(Sangeetha:559)

Namun, situasi itu berlaku sebaliknya, yang mana, ketika Derus sedang nazak disisi Sangeetha, Sangeetha dengan tersekat-sekat menyebutnya. Hal ini digambarkan oleh pengarang pada helaian terakhir novel ini.

"Tiba-tiba kepala Derus terkulai pada sisi pinggul Sangeetha, tubuhnya menggigil sedikit. Sangeetha sempat menyebut sekadar yang dia ingat.

Tetapi anehnya bukan Derus yang membisikkan ke telinganya tetapi dia yang tersekat-sekat membisikkan ke telinga Derus.”

(Sangeetha: 560)

Kepercayaan dan keyakinan dalam agama bukan sahaja ditunjukkan melalui pelaksanaan ibadah, malah, sikap baik yang ditunjukkan kepada masyarakat bukan Islam juga membuatkan masyarakat bukan Islam dapat menghormati dan menerima agama Islam itu sendiri. Benarlah apa yang difirmankan dalam al-Quran sebagai seorang muslim, orang Islam tidak boleh memandang rendah kepada agama lain kerana sikap demikian membawa kepada rasa tidak hormat masyarakat bukan Islam kepada agama Islam itu sendiri.

iii. Bahasa

Dari aspek bahasa pula, pengarang menggambarkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam komunikasi masyarakat yang berlainan kaum, sepertimana yang ditunjukkan oleh pengarang watak Viralal dan Sangeetha menggunakan bahasa Melayu. Komunikasi dalam bahasa Melayu bukan sahaja digunakan semasa berurusan dengan Derus dan orang kampung yang lain, malah mereka menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Mereka digambarkan mempunyai rasa hormat yang tinggi terhadap negara ini. Rasa hormat itu digambarkan dalam halaman 3 novel ini.

”Di sini rumahmu. Disini kita hidup dan disini kita mati.” Viralal pernah berkata sebegitu padanya ketika senang-senang memukul tabla dan dagga kesayangannya. ”kita lupakan debu dan angin kita di sana. Kita senang di sini.”

(Sangeetha:3)

Walaupun begitu Sangeetha tidak melupakan bahasa asal usulnya. Dalam novel ini, bahasa Tamil hanya diperlihatkan ketika Sangeetha menyanyi sendirian di rumah. Misalnya;

”TeLindanivalupaTTappalpOleriyude.....” Akan tetapi seni kata itu tidak diteruskan.

(Sangeetha:304)

Dalam hal ini, pengarang jelas menunjukkan dengan menggunakan satu bahasa sebagai medium komunikasi, secara tak langsung pemahaman terhadap budaya, agama dan sosial sesuatu kaum itu dapat difahami dan diterima dengan lebih baik sekali gus mampu memupuk kesejahteraan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan teori Bongkah Ais, budaya terbahagi kepada dua bentuk utama iaitu, budaya tersurat (surface culture) yang berada di bahagian atas permukaan ais (boleh dilihat, didengar dan dikenali secara jelas seperti tingkah laku, adat, pakaian, makanan, bahasa, pekerjaan), dan

budaya tersirat (deep culture) yang terletak di bawah permukaan (lebih mendalam, tidak kelihatan tetapi mempengaruhi tindakan seperti nilai, norma, kepercayaan, pandangan hidup, dan persepsi asas). Di dalam novel *Sangeetha*, dua bentuk budaya ini telah dikenal pasti dan telah dibincangkan. Didapati, dalam persoalan-persoalan yang dibincangkan diatas, garis antara dua bentuk budaya ini sebenarnya bertindan antara satu sama lain dan saling bergabung.

Ekonomi dan pekerjaan

Watak Viralal sebagai seorang usahawan dalam sektor kitar semula yang berjaya merupakan gambaran budaya tersurat yang menonjol. Kekayaan dalam bentuk aset fizikal seperti rumah, tanah dan simpanan kewangan mencerminkan pencapaian ekonomi yang boleh diukur dan dilihat. Usahanya bersama isteri menggambarkan budaya keusahawanan yang aktif dalam kalangan masyarakat India, khususnya dalam sektor informal. Secara tersurat, ia memperlihatkan bentuk mobiliti sosial menaik yang berpaksikan semangat berdikari dan penglibatan dalam aktiviti ekonomi tidak formal, yang sering kali menjadi saluran utama bagi kelompok minoriti untuk menjana kekayaan dalam persekitaran sosioekonomi yang lebih mencabar. Sebaliknya, masyarakat Melayu dalam naratif ini digambarkan cenderung kepada pekerjaan bergaji tetap seperti yang ditonjolkan melalui watak-watak Derus, Husin, Mamat, dan Karim. Kecenderungan ini menampilkan satu corak budaya kerja yang stabil, berstruktur dan berpaksikan kepastian pendapatan bulanan. Ia merupakan manifestasi budaya tersurat yang lazim dalam struktur sosial Melayu kontemporari, di mana pekerjaan dalam sektor awam atau swasta dilihat sebagai pilihan utama untuk jaminan sosioekonomi. Tanggapan masyarakat Melayu yang lebih cenderung untuk memilih pekerjaan tetap dan bergaji mencerminkan satu sistem nilai yang mengutamakan kestabilan, keselamatan, dan kebergantungan kepada struktur institusi. Ini adalah bentuk budaya tersirat yang memperlihatkan pandangan hidup dan etika kerja masyarakat Melayu yang berbeza dengan semangat keusahawanan yang ditonjolkan oleh masyarakat India dalam naratif ini.

Di sebalik gambaran budaya tersurat ini, terdapat budaya tersirat yang mendasari corak tingkah laku ekonomi tersebut. Dalam kes masyarakat India, penglibatan dalam keusahawanan mungkin didorong oleh nilai kemandirian, keberanian mengambil risiko, serta kepercayaan terhadap potensi ekonomi sektor informal sebagai satu saluran keluar daripada marginalisasi ekonomi. Nilai ini tidak selalu terlihat, tetapi sangat penting dalam menjelaskan mengapa pilihan kerjaya mereka cenderung berbeza. Bagi masyarakat Melayu pula, budaya kerja makan gaji mungkin dipengaruhi oleh nilai keselamatan ekonomi, kestabilan sosial, dan kebergantungan kepada struktur formal seperti kerajaan atau institusi korporat. Aspirasi ini mencerminkan pandangan budaya yang lebih konservatif terhadap risiko, di mana kestabilan dan keterjaminan dianggap lebih utama daripada potensi pulangan tinggi tetapi tidak menentu seperti dalam keusahawanan.

Melalui pemahaman teori bongkah ais, dapat dilihat bahawa tingkah laku ekonomi yang zahir (tersurat) berakar daripada nilai, persepsi, dan kepercayaan yang tidak kelihatan (tersirat). Analisis ini juga menyorot pentingnya mengambil pendekatan antara budaya (intercultural approach) dalam memahami struktur sosial dan ekonomi masyarakat majmuk, agar kita tidak sekadar menilai pada permukaan, tetapi memahami kedalaman budaya yang membentuk identiti dan pilihan hidup individu serta komuniti.

Peranan jantungina

Dapatan kajian terhadap novel *Sangeetha* memperlihatkan suatu dimensi budaya yang kaya dan kompleks, khususnya dalam aspek peranan jantungina dan perbandingan antara budaya India dan Melayu. Budaya tersirat dalam konteks masyarakat India, sebagaimana yang ditampilkan dalam latar sejarah abad ke-19, memperlihatkan konsep patriarki yang menebal, di mana wanita, khususnya dari kelas bangsawan, dilarang bekerja dan berperanan sepenuhnya sebagai isteri dan ibu. Sebaliknya, wanita dari kelas bawahan diberi ruang untuk menyumbang kepada ekonomi keluarga tetapi masih dalam batasan norma budaya yang ketat (Cormack, 1953; Kaur, 1985). Perkahwinan kanak-kanak pula menjadi manifestasi struktur sosial yang mengekang kebebasan wanita dan mengekalkan ketundukan mereka terhadap kuasa lelaki. Namun, dalam novel *Sangeetha*, pengarang menggambarkan satu bentuk transformasi budaya tersirat melalui watak-watak seperti Sangeetha dan Meena, yang dibesarkan oleh ibu bapa berfikiran terbuka dan progresif. Mereka diberi kebebasan untuk mendapatkan pendidikan tinggi dan membuat keputusan sendiri, sekali gus mencabar struktur budaya patriarki tradisional India. Keputusan ibu bapa Sangeetha yang memberi kebebasan kepada anak-anak perempuan mereka untuk belajar dan membuat keputusan sendiri menandakan pergeseran nilai dalam budaya India daripada struktur patriarki yang tradisional kepada nilai moden yang lebih bersifat inklusif dan berorientasikan individu. Ini menggambarkan kepercayaan terhadap nilai pendidikan dan emansipasi wanita. Sikap ini tidak ditunjukkan secara langsung sebagai satu pergerakan ideologi, tetapi dapat difahami sebagai perubahan nilai dalam budaya tersirat yang telah berubah seiring zaman, suatu aspek penting dalam kerangka Teori Bongkah Ais.

Dalam budaya Melayu pula, peranan wanita digariskan melalui kerangka agama Islam, yang memperakui hak-hak wanita sebagai ibu, isteri dan anak, tetapi juga menetapkan struktur kepimpinan keluarga yang berpusat kepada lelaki. Hal ini menggambarkan satu bentuk budaya tersirat yang berakar pada ajaran agama, yang membentuk peranan jantungina dalam masyarakat Melayu. Namun dalam novel *Sangeetha*, peranan wanita dalam masyarakat Melayu tidak ditonjolkan berbanding peranan lelaki seperti Derus, Husin, Mamat, dan Karim. Keadaan ini membuka ruang untuk melihat bagaimana naratif gender dalam budaya Melayu masih terikat pada kerangka tersirat yang berpaksikan agama dan struktur sosial patriarki, meskipun tidak begitu ketara dalam novel ini.

Analisis ini membuktikan bahawa peranan jantungina dan hubungan antara budaya dalam novel *Sangeetha* dapat ditafsir dengan berkesan melalui teori bongkah ais. Watak Sangeetha mencerminkan perubahan dalam budaya tersirat masyarakat India, dari patriarki konservatif kepada keterbukaan pendidikan dan kebebasan membuat keputusan. Dalam masa yang sama, hubungan antara kaum seperti antara Sangeetha dan Derus memaparkan nilai-nilai budaya tersirat yang menjadi asas kepada keharmonian masyarakat majmuk Malaysia.

Interaksi sosial, Toleransi dan Keterbukaan Budaya

Melalui novel ini juga, dapat dilihat interaksi sosial harian antara watak. Perbuatan Derus membantu Sangeetha dalam kerja rumah seperti menyiram pokok dan menguruskan sangkar burung serta menjadi pemandu Sangeetha mencerminkan bentuk interaksi sosial yang tersurat, yang memperlihatkan bentuk hubungan majikan-pembantu yang harmoni merentasi sempadan budaya. Namun begitu, ia juga mencerminkan nilai, kepercayaan dan orientasi mendalam yang tidak secara langsung dinyatakan, tetapi yang mempengaruhi pola tingkah laku dan struktur

sosial dalam masyarakat seperti yang digambarkan dalam teks yang merujuk kepada budaya tersirat.

Analisis menjelaskan hubungan antara Sangeetha (India) dan Derus (Melayu), meskipun mereka datang daripada latar budaya, agama dan kepercayaan yang berbeza, pengarang menggambarkan satu bentuk toleransi dan penerimaan silang budaya yang mendalam. Derus, sebagai pembantu Sangeetha, menghormati budaya dan gaya hidup majikannya, manakala Sangeetha pula mempercayai dan menerima nilai-nilai kehidupan Derus. Hubungan mesra antara Sangeetha dan Derus menunjukkan nilai toleransi dan penerimaan terhadap budaya satu sama lain, termasuk aspek agama, cara berpakaian, dan perhiasan.

Hubungan yang erat antara Derus dengan Sangeetha yang penuh dengan rasa hormat, kepercayaan dan kasih sayang menonjolkan nilai-nilai keterbukaan budaya, empati dan kemanusiaan sejagat yang tidak diungkap secara langsung tetapi jelas tersirat melalui tindakan dan dinamika hubungan antara watak. Ini melambangkan hubungan antara budaya yang matang dan saling menerima perbezaan. Dari perspektif teori bongkah Ais, hubungan ini memperlihatkan bahawa meskipun elemen budaya tersurat seperti pakaian, bahasa dan agama berbeza, mereka berkongsi nilai-nilai budaya tersirat seperti hormat-menghormati, kasih sayang, dan kepercayaan. Nilai-nilai ini tidak kelihatan tetapi perkara inilah yang mendasari hubungan mereka dan keharmonian sosial masyarakat Malaysia amnya.

Novel ini juga memberikan naratif mengenai seni dan warisan. Novel Sangeetha turut mencerminkan nilai mendalam masyarakat terhadap warisan dan identiti budaya. Contohnya, walaupun Derus sudah tua, beliau tetap menjaga gambusnya dengan penuh kasih dan watak Sangeetha yang menunjukkan bagaimana nilai dan minat terhadap muzik klasik boleh diwarisi secara emosional walaupun tidak mempelajarinya secara formal. Ini menonjolkan nilai toleransi, keterbukaan, dan keharmonian antara dua budaya yang berbeza iaitu masyarakat India dan Melayu melalui muzik. Ini menunjukkan satu bentuk *cultural integration* yang menyatukan elemen budaya berbeza tanpa menghapuskan keunikan masing-masing. Di dalam novel ini juga pengarang mengkritik secara halus golongan muda yang tidak lagi menghargai muzik tradisional dan mencerminkan nilai-nilai yang kian terhakis akibat pemodenan. Penyesalan terhadap kepupusan budaya dilihat apabila gambus yang dimiliki Derus tidak diwariskan kepada sesiapa.

Dapatan kajian ini mengikut Teori Bongkah Ais memperlihatkan bagaimana pengarang menggunakan seni muzik sebagai medium untuk menyampaikan bukan sahaja estetika budaya (tersurat) tetapi juga nilai, identiti, dan makna mendalam yang terkandung dalam budaya masyarakat India dan Melayu (tersirat). Novel ini menyerlahkan bagaimana elemen tersurat dan tersirat dapat berinteraksi secara harmoni, dan dalam masa yang sama, mengangkat pentingnya pemeliharaan seni budaya dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Nilai dan Pengaruh Agama

Dalam novel ini menjelaskan mengenai sumbangan Sangeetha kepada badan-badan kebajikan termasuk Islam mencerminkan nilai inklusiviti agama dan altruisme yang melampaui sempadan kepercayaan. Walaupun tidak dinyatakan secara eksplisit sebagai satu ajaran, tindakan ini menunjukkan nilai yang mendalam tentang keprihatinan sosial dan penghormatan terhadap kepelbagaian. Selain itu, dalam masyarakat Melayu, Islam menjadi asas dalam membentuk sistem sosial dan budaya, termasuk dari segi sikap dan tanggungjawab. Sebagai seorang muslim yang baik, bukan sahaja perlu menjaga hubungan antara diri dan pencipta

(HabluminaAllah) sebaliknya penting juga menjaga hubungan dengan sesama manusia (habluminnas) kerana ia menjadi titik tolak kepada penerimaan atau penolakan bangsa lain terhadap agama Islam itu sendiri. Malah, masyarakat Islam juga perlu menghormati agama lain dan tidak menyentuh sensitiviti agama. Pemahaman terhadap agama bagi setiap kaum ini amat penting dalam meletakkan masyarakat yang aman. Ketidakhahaman dan tidak ada rasa menghormati antara agama membawa kepada isu sensitiviti dalam Masyarakat.

Seterusnya, tatacara berpakaian. Sebagai muslim, tidak kira lelaki atau wanita, seseorang itu tertakluk kepada tatacara berpakaian yang telah ditetapkan oleh Islam. Misalnya, dalam hal berpakaian, Derus dan digambarkan berpakaian yang sewajarnya sebagai seorang lelaki muslim, seperti berkemeja dan berseluar panjang. Menurut ajaran Islam, aurat lelaki bermula dari pusat hingga ke lutut, dan pakaian yang dipakai hendaklah longgar, tidak jarang, serta tidak menonjolkan bentuk tubuh. Larangan ini bertujuan untuk mengekalkan identiti maskuliniti yang selaras dengan prinsip Islam serta menghindarkan unsur kemewahan yang berlebihan yang boleh membawa kepada kesombongan atau riak. Kod pakaian lelaki tidak kurang pentingnya kerana ia berperanan dalam membentuk imej dan identiti Muslim yang sejati. Semua yang dijelaskan ini adalah satu budaya tersirat yang perlu difahami untuk mendapat kefahaman menyeluruh mengenai bagaimana agama mempengaruhi cara berpakaian seorang muslim dalam kehidupan harian mereka. Pakaian yang terlihat bukanlah sekadar pakaian semata tetapi juga dianggap satu ibadah dan pengabdian kepada perintah Tuhan.

KESIMPULAN

Pemisahan antara budaya tersurat dan tersirat berdasarkan tema-tema dalam *Sangeetha* dan berpandukan teori Bongkah Ais Hall menunjukkan bahawa budaya tidak hanya beroperasi pada peringkat permukaan yang boleh dilihat. Ia juga melibatkan dimensi mendalam yang membentuk dan mengarahkan pemikiran serta tindakan manusia dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia. Novel ini secara tidak langsung mendedahkan interaksi antara budaya yang kompleks dan pelbagai lapis melalui perwatakan, naratif dan simbolisme yang mencerminkan dinamika silang budaya antara masyarakat India dan Melayu.

Analisis ini membuktikan bahawa karya *Sangeetha* bukan sahaja mengetengahkan kepelbagaian budaya tersurat seperti pakaian tradisional, tetapi turut mengangkat nilai-nilai budaya tersirat seperti toleransi, peranan jantina dan kepercayaan agama. Ini sejajar dengan prinsip Teori Bongkah Ais, di mana kebanyakan dimensi budaya yang penting tidak terlihat di permukaan, tetapi membentuk landasan penting dalam komunikasi dan persefahaman antara etnik di Malaysia. Novel ini bukan sekadar naratif peribadi seorang wanita, tetapi merupakan cerminan transformasi nilai dan budaya tersirat dalam masyarakat India moden, serta ruang persefahaman antara budaya yang dipupuk melalui interaksi dan penghormatan bersama suatu realiti yang sangat relevan dalam wacana hubungan etnik dan pembinaan negara bangsa hari ini.

RUJUKAN

- Akhter, T. (2020). Literature and society: A critical analysis of literary text through contemporary theory. *Talent Development & Excellence*, 12(3s), 2228–2234.
- Aziz Deraman, A. (2005). *Masyarakat dan kebudayaan Malaysia* (ed. baharu). Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Bennett, M. J. (1993). Towards ethnorelativism: A developmental model of intercultural sensitivity. In R. M. Paige (Ed.), *Education for the intercultural experience*. Intercultural Press.
- Bogdan, R., & Taylor, S. J. (1975). *Introduction to qualitative research methods*. John Wiley & Sons.
- Daisy Paul, Hamzah, N. S., & Tuan Abdul Hamid, T. N. A. (2019). Interpretasi ritual mandi dalam kalangan masyarakat di Malaysia. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 3(2), 257–269.
- Gudykunst, W. B., & Kim, Y. Y. (2003). *Communicating with strangers: An approach to intercultural communication*(4th ed.). McGraw-Hill.
- Hadijah Rahmat. (1991). Sastera dan manusia Melayu baru. In *Dinamika budaya* (pp. 175–212). Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu Singapura.
- Hall, E. T. (1976). *Beyond culture*. Anchor Books.
- Hassan, R. (2021). Representasi budaya dalam novel Melayu kontemporari. *Jurnal Pengajian Melayu*, 32(1), 45–60.
- Hofstede, G. (2001). *Culture's consequences: Comparing values, behaviors, institutions and organizations across nations*(2nd ed.). Sage Publications.
- Jaya Ganesan Sela Sundram, & Azharudin Mohamed Dali. (2022). Sejarah kehadiran dan perkembangan sosio-politik masyarakat India di Selangor dari tahun 1884 hingga 1941. *Malaysia and International History Review*, 4(2), 16–33.
- Kogila A/P Sunder Raj, & Muammar Ghaddafi Hanafiah. (2018). Adat bertunang: Satu kajian perbandingan antara etnik Melayu dengan etnik India. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(2), 1–9.
- Manugeran, M., Suhadi, J., & Pardi, P. (2020). Literature as a medium of exposing social problem through Thomas Gray's "Elegy Written in a Country Churchyard". *Journal of Language and Literature*, 20(1), 150–158. <https://doi.org/10.24071/joll.v20i1.2431>
- Martin, J. N., & Nakayama, T. K. (2022). *Intercultural communication in contexts* (8th ed.). McGraw-Hill.
- Md. Salleh Yaapar. (1999). *Kesusasteraan bandingan dan wacana budaya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mishra, A., & Kumar, S. (2015). A scientific review on common chewing plant of Asians: *Piper betle* Linn. *Journal of Harmonized Research in Pharmacy*, 4(1), 1–10.
- Mohd Koharuddin Mohd Balwi. (2005). *Peradaban Melayu*. UTM Skudai.
- Mohd Nizam Attan. (2013). Gambus: Tinjauan awal berasaskan gaya permainan di Johor. *Malaysian Music Journal*, 1(2), 87–104.
- Mustaffa, N., & Muda, M. Z. (2014). Pengurusan wakaf pendidikan di institusi pengajian tinggi Malaysia: Satu sorotan literatur. *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 21(2), 63–81.
- Puteri Roslina Abdul Wahid, Cho, M., & Nur Azimah Bukhari. (2019). Komunikasi silang budaya dan penterjemahan: Analisis teks terjemahan kreatif. *JMS*, 2(1), 1–36.
- Ratnasari, D. (2019). Komunikasi silang budaya dalam masyarakat multikultural. *Jurnal Komunikasi dan Budaya*, 7(2), 88–101.
- Salmah Ayob. (1981). *Sastera sebagai gambaran kehidupan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salmah Ayob. (1981). Sastera untuk kanak-kanak: Fungsi dan implikasinya. *Pendidik dan Pendidikan*, 3(1), 73–82.
- Samovar, L. A., Porter, R. E., & McDaniel, E. R. (2012). *Intercultural communication: A reader* (13th ed.). Wadsworth Cengage Learning.

- Shamsudin, N., & Hamzah, A. (2020). Konflik etnik dan identiti budaya dalam karya sastra Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(4), 120–135.
- Shukla, A., Shukla, A., Baghel, A. S., & Vyas, M. (2015). Ayurvedic tambula sevana: A healthy traditional practice. *International Journal of Herbal Medicine*, 3(1), 40–44.
- Sulaiman Tahajuddin, A. W. M. K., Jainurin Justine, & Intan Soliha Ibrahim. (2021). Cabaran dalam proses kutipan data kaedah kualitatif ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 35–48. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1034>
- Ting-Toomey, S., & Dorjee, T. (2019). *Communicating across cultures* (2nd ed.). The Guilford Press.
- Vána, J. (2020). Theorizing the social through literary fiction: For a new sociology of literature. *Cultural Sociology*, 14(2), 180–200. <https://doi.org/10.1177/1749975520922469>

Maklumat Pengarang

Mariati Mat Salleh merupakan seorang Guru Bahasa di Universiti Malaysia Terengganu. Bidang kepakaran beliau dalam Kesusasteraan Melayu moden yang merangkumi Novel, Cerpen, Puisi, Kritikan Teks dan Drama. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Bahasa Melayu Linguistik dan Master Kesusasteraan Melayu dari Universiti Putra Malaysia dan telah bertugas sebagai Guru Bahasa di UMT selama 14 tahun.

Isma Rosila Ismail (PhD.) merupakan Pensyarah Kanan di Universiti Malaysia Terengganu. Bidang kepakaran beliau adalah dalam Komunikasi kemanusiaan yang merangkumi komunikasi antara budaya, komunikasi organisasi, komunikasi interpersonal, komunikasi alam sekitar serta budaya dan warisan. Beliau memiliki Ph.D dari University of Southern Queensland (UnisQ), Queensland, Australia dan berpengalaman lebih 20 tahun serta pengarang kepada buku Asas Komunikasi Antara Budaya yang diterbitkan pada tahun 2022.